

Program Motivasi Pelajar MCG dan Dialog Bersama Ibubapa

Artikel oleh: Arif Mandangan

Bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Sekolah Sains dan Teknologi, program Matematik dengan Komputer Grafik (MCG) buat julung kalinya mengadakan Program Motivasi Pelajar MCG dan Dialog bersama Ibubapa MCG. Program yang berlangsung pada 28 Mac 2012 ini telah dirasmikan oleh YBerusaha Dekan SST Prof. Madya Dr. Baba Musta. Peserta Program Motivasi Pelajar-Pelajar MCG adalah terdiri daripada pelajar-pelajar MCG yang memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dibawah 2.30. Langkah proaktif ini diambil adalah bagi menyuntik semangat serta dorongan kepada mereka bagi memperbaiki prestasi akademik mereka. Selain itu, program ini turut menjadi medium perkongsian dari hati ke hati antara para pensyarah MCG dan juga para peserta. Rata-rata peserta program ini mengakui akan peri pentingnya program seumpama ini bagi memotivasikan mereka dalam mengharungi cabaran hidup sebagai mahasiswa dan mahasiswi. Program Dialog bersama Ibubapa Pelajar MCG pula diadakan sebagai medium perbincangan bersemuka antara pensyarah-pensyarah MCG dengan para ibubapa yang memperolehi PNGK dibawah 2.00. Menerusi program ini, pelbagai isu dibincangkan dalam rangka mencari titik pertemuan bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar terbabit. Berdasarkan respon positif para peserta bagi kedua-dua program tersebut, terdapat perancangan untuk mengadakan program seumpama ini dimasa hadapan demi membantu pelajar-pelajar MCG untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan.